



Kepimpinan Lestari


Mengupaya Diri, Memimpin Insan, Memperkasa Organisasi


Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan

092
6

7293078

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION





Kepimpinan Lestari

Mengupaya Diri, Memimpin Insan, Memperkasa Organisasi

Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan

PUSTAKA PERDANA



1011847

Syafiq



DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia

Kementerian Kerja Raya (KKR)
Tingkat 5, Blok A,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur,
MALAYSIA.

Tel. (Pejabat) : 03 - 2771 4021
Faks : 03 - 2711 6564
E-mel : syedomar@kkkr.gov.my

© Hak Cipta Terpelihara 2017 oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada kandungan jurnal ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan, Dato' Dr.

Kepimpinan Lestari : Mengupaya Diri, Memimpin Insan, Memperkasa Organisasi
/ DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN SYED IKHSAN.

ISBN 978-983-3109-99-9

1. Leadership. 2. Development leadership. 3. Management. I. Judul. 658.4092

Diterbit dan dicetak oleh:

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Kuala Lumpur
Malaysia.
2017


🌐 Laman web: <http://www.intanbk.intan.my>

☎ Tel: (603) - 2084 7777 (Talian Utama)

📠 Faks: (603) - 2092 1512 / (603) - 2084 7471

Randungan

Mukadimah	5
Mengupaya Diri	9
Melihat ke Dalam Diri, Mengupaya Kekuatan Peribadi	11
Menyuburkan Sikap Positif, Melahirkan Insan Kreatif	24
Menuntut Ilmu Sepanjang Hayat, Mengangkat Sebuah Martabat	38
Kepercayaan Diri Dibina, Keyakinan Diri Dijana	49
Keupayaan Mengawal Emosi, Mampu Menjernihkan Situasi	60
Komunikasi Menjalin Hubungan, Mencipta Keakraban	70
Pengalaman Mencerak Perlakuan, Mendewasa Pemikiran	79
Mengungguli Perubahan Diri, Membentuk Jati Diri	88
Integriti Menterjemah Diri, Mengungguli Peribadi	99
Membina Kepimpinan Diri, Merangsang Keupayaan Peribadi	110
Memimpin Insan	125
Pemimpin Mahir Mendengar, Mencetus Idea Segar	126
Tugas dan Kuasa Dikongsi, Kejayaan Bersama Dirasai	136
Motivasi Mencetus Keharmonian, Melakar Kelestarian	147
Pemimpin Dibentuk, Kredibiliti Dan Semangat Juang Dipupuk	158
Maklum balas Diperkasa, Suasana Kerja Selesa	169
Pementoran Satu Kemestian, Satu Kewajiban	176
Memimpin Perubahan Organisasi, Meninggalkan Satu Legasi	185
Kepelbagaian Dirai, Keharmonian Direalisasikan	197
Memperkasa Organisasi	207
Hala Tuju Dicipta, Kegemilangan Organisasi Ditempa	208
Jajaran Strategik Dibangun, Kepuasan Pelanggan Terangkum	216
Memperkukuh Pasukan, Mengorak Cabaran	224
Etika Kerja Dijaga, Diri Dan Organisasi Terpelihara	235
Bakat Digilap, Organisasi Mantap	245
Membentuk Persekitaran Kerja Kondusif, Melahirkan Tenaga Kerja Responsif	254
Membina Daya Inovatif, Mencipta Insan Kreatif	263
Biodata Penulis	273



Mukadimah


Buku yang berada di hadapan anda ini, bukanlah merupakan buku yang hanya membincangkan tentang teori-teori mengenai kepimpinan sahaja. Buku ini sebenarnya digarap daripada adunan cetusan idea, pengalaman, pengamatan, perbincangan dan pembacaan penulis mengenai kepimpinan. Sepanjang tempoh lebih tiga puluh tahun bertugas dalam perkhidmatan awam, penulis telah melalui banyak situasi yang membolehkannya melihat perspektif kepimpinan daripada dimensi yang berbeza-beza.


Buku ini melihat kepimpinan daripada tiga perspektif utama iaitu pembentukan diri sebagai pemimpin (*leading self*), pemimpin memimpin orang lain (*leading others*) dan pemimpin memimpin organisasi (*leading organisation*). Penulis berasakan bahawa untuk menjadi seorang pemimpin yang berwibawa, ciri-ciri kepimpinan yang unggul perlu ada dan dibentuk sebaik mungkin bagi menjadi pemimpin yang sentiasa dihormati.


Daripada perspektif diri, adalah penting seorang pemimpin berupaya melihat ke dalam diri dan menilai secara jujur kekuatan dan kelemahan yang ada. Segala kekuatan perlu dijadikan azimat untuk melangkah lebih jauh, manakala segala kelemahan pula dijadikan benteng untuk memperkukuhkan keupayaan diri. Dalam kehidupan, hanya kita sahaja yang tahu siapa diri kita. Justeru, kita harus berusaha sedaya upaya untuk menjadi yang terbaik kerana *hidup tidak kerana doa, mati tidak kerana sumpah*. Jadilah pemimpin yang mempunyai ihsan dalam diri dan bukan hanya bertindak mengikut nafsu.

Pemimpin tidak seharusnya membina daya kepimpinan diri semata-mata tanpa melihat orang yang berada di kelilingnya. Pemimpin yang hebat adalah pemimpin yang berjaya membangunkan lebih ramai pemimpin. Ini adalah penting kerana kepimpinan kita tentu sahaja akan sampai ke titik noktah dan perlukan pengganti yang akan meneruskan legasi. Tanpa wujudnya pemimpin baharu, tentu sekali organisasi akan goyah dan akan rebah ke bumi tanpa dapat dibantu. Justeru, pemimpin perlu membentuk kumpulan pemimpin yang seia sekata dan mantap bak kata pepatah *tertungkup sama termakan tanah, tertelentang sama terminum air*. Pemimpin perlu bijak memotivasi, menugaskan kerja dan mewujudkan keharmonian dalam organisasi.

Perspektif ketiga yang dilihat dalam buku ini ialah cara seorang pemimpin perlu mempunyai kebolehan untuk memimpin sebuah organisasi agar berjalan dalam landasan yang betul dan terarah. Pemimpin perlu bijak mencarta organisasi mengikut visi dan misi yang jelas. Dalam masa yang sama, pemimpin juga perlu melihat organisasi sebagai satu entiti yang menyeluruh termasuk menggilap bakat yang ada, membuat jajaran strategik, memperkukuhkan pasukan dan membangunkan persekitaran kerja yang kondusif.







Mengupaya Diri





Melihat Ke Dalam Diri, Mengupaya Rekuatan Peribadi

Lembaran kehidupan di kanvas dunia menyaksikan manusia sentiasa berlumba-lumba dan berusaha mencari *jambatan emas*¹ dalam mencapai sesuatu kebahagiaan. Namun kebahagiaan yang ingin diperoleh dan dikecapi bukanlah sesuatu yang mudah untuk digapai seumpama *meniup api di atas air*². Pelbagai halangan dan rintangan perlu ditempuhi yang kadangkala menjadi tembok pemisah yang begitu sukar untuk diroboh. Malah ada kalanya turut menjadi onak dan duri yang sering melingkari dan menyakiti kehidupan kita seharian. Kegagalan selalu mengintai kehidupan kita walaupun tanpa diundang dan menjadi asbab yang boleh melunturkan sebuah jati diri. Lantaran itu, usaha perlu dilakukan dengan gigih tanpa cepat mengalah dan berputus asa seperti ungkapan pepatah *ingat ranting yang akan melenting, dahan yang akan mencocok dan duri yang akan mengait*³. Usaha perlu diteruskan walau dalam apa-apa keadaan sekalipun.

Pada zahirnya, kita mampu menjadikan apa-apa yang diimpi dan dihajati suatu realiti jika kita sentiasa berfikiran terbuka dan berusaha ke arahnya. Apa yang perlu untuk menggapai segala impian ialah dengan memfokuskan kepada matlamat yang ingin dimiliki. Pepatah menyatakan, *yang bulat*

¹ Jalan mencapai bahagia

² Melakukan sesuatu pekerjaan yang sangat sukar

³ Hendaklah selalu beringat tentang segala bahaya dan rintangan ketika melakukan sesuatu pekerjaan

*itu tidak datang bergolek, yang pipih itu tidak datang melayang*⁴. Tanpa usaha yang bersungguh-sungguh tentunya segala yang dikehendaki tidak mungkin terhasil. Meyakini diri sendiri adalah merupakan inti pati kepada sebuah kejayaan yang gemilang. Andai tiada keyakinan diri, tentunya kita tidak mampu untuk memperoleh sesuatu yang dihayati. Segalanya persis fatamorgana yang tidak menjanjikan apa-apa, hanya bayangan yang hilang apabila didekati.

Melakukan introspeksi diri atau bermuhasabah diri, ialah merupakan titik mula kepada mengenali keupayaan diri sendiri sebelum sesuatu perubahan dapat dizahirkan. Mengetahui siapa kita, apa yang kita miliki, di mana kekuatan dan kekurangan kita dan sebagainya, mampu merubah segalanya. Semua persoalan tersebut jika difahami dan dihayati dengan jelas tentu sekali dapat membentuk siapa diri kita yang sebenarnya. Mungkin orang boleh menilai kita secara luaran setelah merujuk kepada perbuatan, percakapan dan tindak tanduk yang kita pameran semasa berinteraksi dengan orang ramai. Namun hakikatnya, persepsi orang terhadap kita mungkin tidak menepati dengan keadaan yang sebenarnya. Sesuatu yang pasti, hanya kita sahaja sebenarnya yang mampu memberi penilaian tepat mengenai diri kita sendiri. Namun kita kadangkala lupa soal ini dan tidak sedar kekurangan diri umpama *telur yang mengatakan lejang itu tak pandai duduk*.⁵

Perwatakan kita sebenarnya dibentuk melalui ruang lingkup yang merentasi masa dan suasana. Dari kecil, sama ada secara sedar atau tidak personaliti kita ditempa melalui hubungan dengan ibu bapa, keluarga, masyarakat dan setiap individu yang mempunyai kaitan dengan hidup kita. Segala didikan, bimbingan, teguran dan pengamatan sebenarnya menjadi recah kepada pembentukan peribadi kita. Setiap dari kita dibesarkan dalam suasana

⁴ Sesuatu pekerjaan itu tidak akan datang sendiri tanpa usaha

⁵ Tidak sedar akan kekurangan diri sendiri

yang berbeza. Perjalanan kehidupan inilah yang menjelaskan siapa kita yang sebenarnya. Jika dibentuk dalam acuan yang negatif, mungkin diri kita menjadi seorang yang kasar, pemarah dan pendendam. Namun jika hidup dalam suasana yang damai dan penuh kasih sayang, kita boleh menjadi insan yang lemah lembut, mempunyai sifat empati, merendah diri dan sentiasa menjadi seorang yang pemaaf. Pendek kata, *yang lahir memperlihatkan yang batin*⁶.

“Melakukan introspeksi diri atau bermuhasabah diri, adalah merupakan titik mula kepada mengenali keupayaan diri sendiri sebelum sesuatu perubahan dapat dizahirkan.”

Kita sebenarnya belajar bukan sahaja daripada orang lain, tetapi lebih banyak belajar melalui pengalaman yang ditempuhi sepanjang masa. Kalau diimbau kembali semasa kita dibesarkan, tentunya pengalaman yang diperoleh begitu unik sekali dan segalanya mencorakkan ‘world view’ kita. Justeru, keunikan inilah yang menghiasi dan mewarnai kehidupan serta membentuk sifat peribadi kita. Apabila segala ilmu, pengalaman dan pengetahuan dikumpul, kita akan menjadi lebih berani dan yakin dalam melayari sebuah kehidupan yang sentiasa tidak menentu dan penuh dengan cabaran. Hakikatnya, kita perlu akur bahawa untuk mengecap kejayaan

⁶ Perbuatan atau kelakuan menunjukkan sifat atau perasaan yang tersembunyi

dalam kehidupan, tiada yang menjadi penghalang selain daripada diri kita sendiri. Jatuh bangunnya kita sepanjang kehidupan adalah hasil usaha tangan sendiri laksana *apa tampangnya, itulah tumbuhnya*⁷.

Renapakah perlu kita mengenali diri?

Berusaha mengenali diri sendiri merupakan titik mula untuk mencipta kejayaan yang lebih bermakna. Apabila kita berupaya mengenali diri, pastinya kita akan berupaya menyingkap hakikat betapa kerdilnya kita di sisi-Nya dan segala apa yang diberikan adalah atas rahmat-Nya semata-mata. Dengan itu, kita pastinya lebih mensyukuri setiap sesuatu yang diberi Allah. Firman Allah dalam surah Al-Fusilat ayat 53 yang bermaksud, “Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kebesaran) Kami di segenap penjuru dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahawa al- Quran itu adalah benar. Tidak cukupkah (bagi kamu) bahawa Tuhanmu menjadi saksi ke atas segala sesuatu?”

Oleh yang demikian, janganlah sama sekali kita berasa hebat dan menjadi bongkak dengan pangkat yang diberi, berasa kagum dengan harta yang diperoleh atau terpesona dengan rupa paras yang dimiliki *umpama pisau tiada berbaja, makin dikilir bertambah tumpul*⁸. Ini adalah kerana pangkat itu hanya sementara tatkala kita mempunyai kuasa. Tanpa kuasa kita mungkin tidak akan dipandang dan akan terpinggir dalam kehidupan tanpa ada yang mempedulikan. Mungkin ada pula yang akan bertindak terhadap kita dengan membalas segala yang kita lakukan kepada mereka dahulu. Jangan juga membanggakan harta yang kita miliki kerana harta itu boleh hilang dalam sekelip mata. Harta itu juga mungkin menjadi penghalang

⁷ Hasil sesuatu pekerjaan itu menurut ukuran usaha yang kita kerjakan

⁸ Orang yang tiada berilmu semakin kaya semakin sombong

untuk mendekati dan mengabdikan diri kepada Allah dan menjadikan kita lupa daratan. Begitu juga dengan paras rupa yang dimiliki kerana semuanya akan luntur ditelan waktu. Justeru, segala yang dimiliki baik harta, kuasa, kecantikan dan sebagainya adalah sementara sahaja. Tiada yang akan kekal menemani kita selamanya.

“... janganlah sama sekali kita berasa hebat dan menjadi bongkak dengan pangkat yang diberi, berasa kagum dengan harta yang diperoleh atau terpesona dengan rupa paras yang dimiliki umpama pisau tiada berbaja, makin dikilir bertambah tumpul”

Cuba mengenali diri sendiri juga merupakan prasyarat untuk membolehkan kita mengetahui di mana kekuatan dan kekurangan yang ada. Seringkali kita begitu mudah melihat kekuatan dan kekurangan orang lain tanpa berusaha bermuhasabah diri. Kita hanya melihat diri kita yang sempurna dan hebat daripada orang lain. Kekurangan dan keburukan orang senang sahaja diperkatakan. Namun segala kejelekan dan kekurangan kita tidak pernah dilihat secara mendalam seperti kata perumpamaan, *sakit pandan tidak tahukan duri, sakitnya badan tidak tahukan diri*⁹. Dengan cara ini sudah tentu kita mampu memperbaiki diri dan memberi fokus kepada

⁹ Orang tidak tahu akan dirinya sendiri

perkara yang hendak dilakukan. Kegagalan mengenal pasti ciri-ciri yang ada tentunya boleh menjadikan kita seorang yang sentiasa ketinggalan dan sukar untuk berjaya.

Keupayaan mengenali diri juga boleh menghindari kita daripada menjadi seorang yang sombong, bongkak dan tidak bersyukur *seperti si buta mendapat tongkat, dipukulkan buta-tuli*¹⁰. Kesombongan sebenarnya boleh menjadi bencana dalam kehidupan kita. Firman Allah dalam surah Al-Israk ayat 37 dan 38 yang bermaksud, “Dan janganlah kamu berjalan di bumi ini dengan sombong, kerana sesungguhnya kamu tidak akan mampu menembus bumi dan tidak akan mampu menjulang setinggi gunung. Semua itu adalah perbuatan jahat yang sangat dibenci di sisi Tuhan mu”. Justeru, janganlah kita menjadi sombong kerana orang yang sombong bukan sahaja dimurkai Allah, malah dalam kehidupan ini kita mungkin tidak akan disukai oleh sesiapaupun.


Bagaimanakah cara untuk mengenali diri dan berupaya membina kekuatan peribadi?

Membina keupayaan dan kekuatan diri perlu dibentuk seawal mungkin. Sesukar dan sepayah mana sekalipun kita perlu berusaha agar menjadi insan yang mulia dan dihormati di mana jua kita berada. Namun bagaimanakah cara sebaik mungkin yang boleh dilaksanakan dalam usaha mengenali diri?

Pertama, hendaklah yakin bahawa Allah menjadikan **kita sebagai insan istimewa yang mempunyai keunikan tersendiri**. Kita adalah kita! Tiada dua atau tiga. Kewujudan kita di dunia ada sebab musababnya. Tentu sekali Allah tidak menjadikan kita hanya sia-sia. Setiap seorang daripada

¹⁰ Menjadi sombong kerana beroleh kejayaan dan pangkat

kita mempunyai peranan dalam kehidupan diri, keluarga dan masyarakat. Oleh yang demikian, binalah keyakinan diri melalui kekuatan yang ada, dan dalam masa yang sama, tangani segala kelemahan agar suatu masa nanti segalanya akan bertukar menjadi sesuatu yang boleh dimanfaatkan. Hendaklah kita sentiasa berusaha tanpa jemu. *Pengayuh sudah di tangan, perahu sama di air*¹¹. Jangan sesekali kita menyerah kalah. Teruskan usaha dengan gigih. Usaha yang murni pastinya akan membuahkan hasil yang lumayan pada masa akan datang. Jangan hanya berserah diri kepada takdir kerana cara sebegini tiada kesudahannya. Perpatah menyatakan, *habis akal baru tawakal*¹².



“...binalah keyakinan diri melalui kekuatan yang ada, dan dalam masa yang sama, tangani segala kelemahan agar suatu masa nanti segalanya akan bertukar menjadi sesuatu yang boleh dimanfaatkan.”

Kedua, **kekuatan kita terletak pada minda** kita sendiri. Jika beranggapan diri kita lemah dan tidak mampu berbuat sesuatu, maka pastinya kegagalan menyusuri kita. Namun jika kita sentiasa berfikiran terbuka, matang, positif dan sanggup menghadapi segala cabaran yang mendatang, pastinya minda kita mampu terbentuk dengan lebih kemas. Untuk berjaya, segala usaha

¹¹ Tidak takut menghadapi lawan apabila sama-sama mempunyai kebolehan

¹² Berserah diri kepada Tuhan sesudah habis semua ikhtiar

mesti dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Jangan sesekali kita *asyik memangku tangan, kerana kita akan mati dalam angan-angan*¹³. Suburkan minda dengan menyiramkan benih-benih positif dan suntikkan semangat juang yang tinggi agar segala yang diimpikan dapat direalisasikan.

Ketiga, **elakkan daripada menggunakan perkataan “tidak boleh”, “tidak mahu”, “tidak pandai”** atau lain-lain perkataan yang negatif. Perkataan sebegini secara tidak langsung akan menyebabkan kita merendahkan diri sendiri dan percaya kita tidak berupaya melakukan perkara yang dihajati. Walhal, keadaan ini mungkin hanya berupa perang psikologi semata-mata dan tiada kaitan dengan keupayaan kita. Hapuskan terus perkataan-perkataan ini daripada kamus pemikiran dan mula berfikir secara rasional. Jangan cepat berputus asa. Usaha perlu diteruskan tanpa henti. Sentiasa sematkan dalam jiwa bahawa jika orang lain boleh berjaya, kenapa kita tidak boleh mengecapi kejayaan yang sama. *Tak ada gunung yang tinggi yang tidak dapat didaki, tak ada lurah dalam yang tak dapat dituruni*.¹⁴ Pokok pangkalnya ada pada kudrat dan upaya kita sendiri. Dalam masa yang sama, jangan sama sekali berserah pada nasib umpama *aur di atas bukit*¹⁵. Berpaut pada nasib sahaja tidak akan mengubah apa-apa. Sebaliknya keadaan ini akan mengheret kita ke dalam situasi yang penuh tanda tanya.

Keempat, **jangan suka bertangguh atau berlengah** dalam melakukan sesuatu perkara. Mula lakukan apa yang dihajati oleh diri atau yang diminta oleh seseorang ketua dalam organisasi dengan serta merta atau mengikut keutamaan secara konsisten dan berterusan. Kata pepatah, *sehari selembur benang, lama-lama menjadi kain*¹⁶. Setiap usaha yang dilakukan walaupun secara berdikit-dikit tentu akhirnya akan membuahkan hasil

¹³ Tak akan tercapai maksudnya, kalau tidak mahu berusaha

¹⁴ Tidak ada usaha yang tidak dapat dikerjakan asal saja ada kemahuan yang keras

¹⁵ Menyerahkan diri pada nasib

¹⁶ Sabar mengerjakan sesuatu lama-lama berhasil juga

yang menakjubkan. Menangguhkan kerja boleh membawa kepada risiko. Kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Apabila kita bertanggung tentunya kerja yang hendak dilakukan akan bertambah banyak dan akhirnya akan berlonggok-longgok tanpa kesudahan. Sifat negatif ini tentu juga memberikan perspektif atau persepsi negatif terhadap diri kita. Jangan bazirkan kehidupan kita dengan sesuatu yang tidak berfaedah. Mulakan langkah pertama untuk kita melangkah dengan lebih jauh lagi. Kejayaan pasti akan menyusuri jika kita terus berusaha dengan gigih, tabah dan penuh komitmen. *Kalau berjalan pastinya akan sampai ke batas, jika belayar tentunya akan sampai ke pulau.*¹⁷

Kelima, hendaklah **sentiasa bersifat terbuka dan tidak bersifat sombong** *bagai buntal kembang*¹⁸. Kesombongan dan keangkuhan sebenarnya tidak membawa kita ke mana-mana. Janganlah menjadi seperti *pisau raut, bongkok orang dapat dibetulkan, bongkok diri sendiri tinggal kekal*¹⁹. Kesediaan mendengar pandangan dan teguran orang lain adalah penting dan hendaklah diambil secara positif. Segala yang didengar hendaklah juga dinilai dengan teliti bagi membolehkan kita mengambil iktibar dan membuat koreksi diri. Orang yang berfikiran terbuka tentu mudah menerima sebarang perubahan dan pembaharuan. Jangan mudah melenting apabila ditegur. Bukan mudah sebenarnya orang ingin menegur. Anggaplah teguran yang diterima sebagai satu sumbangan yang dapat memperkukuhkan diri, emosi dan mental kita. Andai kita tidak boleh menerima sebarang teguran, lama kelamaan orang akan berasa tidak senang dengan kita. Akhirnya, kepercayaan orang terhadap kita akan semakin menipis dan lama kelamaan akan terus terhakis kerana *sekali lancung keujian, seumur hidup orang tak percaya.*²⁰

¹⁷ Sesuatu usaha hendaklah dikerjakan sampai selesai

¹⁸ Bodoh dan sombong

¹⁹ Hanya pandai memperbaiki kesalahan orang lain, tetapi tak dapat memperbaiki diri sendiri

²⁰ Sekali ketahuan kelakuan yang tidak baik, selama hidup orang tidak percaya lagi

Keenam, sentiasa meningkatkan **disiplin diri dalam apa juga yang kita lakukan**. Disiplin diri ini bermaksud melakukan sesuatu perkara secara teratur, tertib, berterusan dan konsisten. Dengan mendisiplinkan diri tentunya akan membuka ruang untuk meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri kita sendiri. Disiplin sebenarnya merupakan inti pati kepada kejayaan yang dapat mengajar kita untuk lebih tegas dalam membuat keputusan, dinamik dan konsisten semasa melaksanakan tugas, tekun dalam segala usaha, peka terhadap persekitaran yang tidak menentu, pantang undur dalam kebenaran serta sentiasa menghormati masa orang lain. Pepatah menegaskan, *redah bilang-bilang disuruki, tinggi kayu ara dilangkahi*.²¹ Sebaliknya, mereka yang tidak berdisiplin tentunya mengundang kegagalan dalam hidup. Kejayaan akan sukar dikecapi. Dengan disiplin yang tinggi tentunya kekuatan diri dapat dibina dan semangat dapat disemarakkan dengan bermakna. Jangan sama sekali kita lari daripada nilai murni yang telah kita pupuk sepanjang kehidupan kita. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud “Seorang muslim wajib mendengar dan taat, baik dalam hal yang disukai mahupun hal yang dibencinya, kecuali bila ia diperintah mengerjakan maksiat. Apabila diperintah mengerjakan maksiat, maka tidak wajib untuk mendengar dan taat” (Hadis riwayat Bukhari, Muslim).

Ketujuh, hendaklah **mencuba sedaya upaya tanpa berputus asa** dalam mengejar sesuatu yang dihajati. Kita seharusnya *menjangkau sehabis tangan*²² dalam mengejar sebuah kejayaan. Tiada apa pun yang akan menghargai kita seandainya kita menjadi orang yang cepat menyerah kalah dan hanya berserah pada takdir. Kegigihan dalam mengejar destinasi

²¹ Berbuat sesuatu atau menghadapi seseorang hendaklah menurut peraturan yang lazim

²² Berusaha dengan bersungguh-sungguh hati

akhir yang ingin dikecapi hendaklah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Pepatah menyatakan, tiap-tiap sesuatu itu, *jika ditumbuk dan dikisar, barulah lumat*²³. Kejayaan akan hadir hanya jika kita memusatkan pemikiran dan usaha dalam menggapai kejayaan.

Kelapan, sentiasa hidup dalam **serba kesederhanaan** dan jangan sekali-kali menunjuk-nunjukkan kehebatan diri kepada orang lain. Ikutlah *seperti buah padi, makin berisi semakin tunduk, jangan seperti lalang, makin lama makin tinggi*.²⁴ Dalam kehidupan bermasyarakat ada yang tidak menyukai apabila kita suka meninggi diri dan memperlihatkan kita yang terhebat. Mengamalkan sifat kesederhanaan tentunya memungkinkan kita mampu menolak rasa serba kekurangan dan meleburkan perasaan rendah diri yang melampau. Peribahasa Melayu menyatakan *masuk ke kampung orang bawa ayam betina, jalan di tepi-tepi, benang arang orang jangan dipijak, duduk di tapak tangga, mandi di hilir orang, berdiri di luar-luar gelanggang*²⁵. Memupuk sifat kesederhanaan pastinya akan menjadikan kita lebih terurus, matang dan mempunyai kredibiliti yang tinggi.


²³ Hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh hati untuk memperoleh sesuatu barang yang dikehendaki

²⁴ Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat semakin merendah diri

²⁵ Kalau merantau ke negeri asing, hendaklah selalu mengalah, jangan berbuat pekerjaan yang buruk, selalu merendahkan diri, jangan suka mendului orang dan jangan menunjuk-nunjukkan diri

Rumusan

Melihat ke dalam diri dan mampu meneliti segala kekuatan dan kekurangan yang ada, tentunya membolehkan setiap individu menzahirkan corak kehidupan yang ingin ditempuhi baik dalam ruang lingkup pekerjaan mahupun kehidupan sendiri. Diri kita adalah penentu segala kejayaan. Setelah berusaha barulah kita bertawakal kepada Allah dan memohon segala keredaannya. *Hati orang yang bodoh itu dimulutnya, dan lidah orang yang cerdik itu di belakang hatinya.*²⁶ Justeru, bentuklah diri menjadi insan yang dipercayai dan dihormati oleh semua pihak. Perhalusi tutur kata dan santuni segala tata kelakuan. Dengan cara ini, kita akan mampu menjadi insan yang sentiasa disenangi dan dihormati.



²⁶ Orang bodoh berbicara tanpa perhitungan, orang pandai berfikir sebelum berkata-kata

Fikirkan Sejenak....Tanya Diri Anda!

1. Pernahkah anda bermuhasabah diri? Jika belum, cuba amati dengan jujur diri anda yang sebenarnya. Perhatikan apakah kekuatan dan kelemahan yang ada? Sedaya upaya, senaraikan semua kekuatan dan kelemahan tersebut yang anda dapat fikirkan dengan sejujurnya. Apabila selesai, renung kembali senarai tersebut. Kelompokkan mengikut keutamaan atau seriusnya kekuatan atau kelemahan tersebut. Apa yang ada perlu buat dengan dapatan ini?

2. Apakah perkara yang anda paling hajati tetapi masih belum menemui kejayaannya? Apakah yang menyebabkan kegagalan ini?

- a) Adakah anda tidak pernah berusaha untuk mengatasi masalah tersebut?
- b) Sejauh manakah anda pernah mencuba untuk mencapainya?
- c) Adakah ianya tidak menjadi keutamaan anda?
- d) Adakah anda tidak berkeupayaan melakukannya sendirian dan memerlukan orang lain untuk memotivasikan anda?

3. Apakah perkara yang anda sering abaikan? Kenapa perkara ini boleh terjadi?

- a) Adakah perkara ini anda anggap perkara kecil dan tidak memerlukan sebarang tindakan susulan?
- b) Adakah anda anggap perkara tersebut sukar dicapai dan tidak perlu diambil tindakan langsung?

Menyuburkan Sikap Positif, Melahirkan Insan Kreatif

*M*enanamkan benih-benih positif dalam jiwa bukanlah satu perkara yang mudah terutama dalam kehidupan yang sentiasa diwarnai dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang tidak ada ketentuan. Adakalanya simpulan cabaran yang dihadapi begitu mudah diuntai. Namun kadang kala cabaran yang dihadapi menjadi *duri dalam daging*²⁷ yang menghantui kehidupan kita setiap masa. Justeru, memupuk sikap positif dalam diri adalah perlu tatkala mendepani pelbagai dugaan getir semasa melayari dunia pekerjaan yang semakin hari semakin rencam sifatnya dan menuntut banyak masa kita dihabiskan terhadapnya.

Saban hari kita melalui rutin kehidupan yang sama. Kita bangun awal pagi untuk mempersiapkan diri, bergegas ke pejabat dalam keadaan jalan raya yang begitu sesak, melakukan tugas sepanjang pagi dan petang tanpa henti dan adakalanya meneruskannya kerja sehingga lewat malam. Selepas mengharungi hari-hari yang panjang baharulah kita pulang ke rumah dalam keadaan keletihan. Bermakna setiap hari, sekurang-kurangnya satu per tiga kehidupan kita dihabiskan di tempat kerja. Putaran sebegini telah menjadi satu rutin yang tidak dapat dipisahkan, tidak mengira sama ada kerja di pejabat awam, syarikat

²⁷ Sesuatu hal yang selalu terasa tidak menyenangkan hati

swasta mahupun berkerja sendiri. Keadaan ini sudah tentu menuntut kesabaran kita. Pepatah menyatakan *sabar penghilang penat, tekun pembawa dekat*.²⁸


Keadaan bercampur aduk dan bersimpang siur yang menuntut komitmen tinggi ini tentunya boleh menimbulkan ketegangan emosi dan mengakibatkan tekanan (*stress*) kepada sesetengah orang. Tanpa diberi perhatian serius, perkara ini boleh menyebabkan sesiapa sahaja berasa tertekan dan tidak gembira untuk menghadapi tugas seharian. Kesukaran bertambah meruncing apabila setiap hari kita tiada pilihan dan sebaliknya perlu mengimbangi antara kehendak pekerjaan, tuntutan diri dan keperluan keluarga. Di satu pihak, majikan memerlukan kita memerah keringat ke tahap paling maksimum dan menggesa kita untuk menyiapkan tugas mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Di pihak yang lain pula, keluarga sentiasa memerlukan keberadaan kita di samping mereka dan bersama-sama mengharungi hidup berkeluarga dengan penuh harmoni. Kegagalan untuk mengimbangi situasi beginilah yang kadang kala menyebabkan ramai yang hidup tertekan dan mengambil tindakan drastik yang kadang kala amat mengejutkan. Sehubungan itu, adalah sangat penting untuk kita melihat perkara ini dengan lebih positif dan membuat penelitian yang rapi agar keseimbangan hidup dapat dicapai dengan sebaiknya. Kita perlu akur bahawa *hujan panas permainan hari, senang susah permainan hidup*.²⁹ Justeru, manfaatkanlah sepenuhnya agar kita sentiasa hidup seperti *air dalam terenang*.³⁰

²⁸ Orang yang sabar akan berhasil usahanya

²⁹ Dalam kehidupan manusia, ada kalanya senang dan ada kalanya susah

³⁰ Hidup dalam tenang dan tenteram. Terenang = tempat air daripada tanah liat

Selalu orang mengatakan bahawa aset terbesar sesebuah organisasi adalah terletak kepada sumber manusianya. Memiliki sumber manusia yang berpengetahuan, berbakat, berpelajaran, berkemahiran, berbudi dan berpengalaman adalah impian yang selalu didambakan oleh mana-mana organisasi dan sesiapa jua. Namun hakikatnya tidaklah sedemikian rupa. Keupayaan dan kebolehan seseorang itu adalah berbagai. Tiada yang sempurna. Beruntunglah jika sesebuah organisasi memiliki tenaga kerja yang mempunyai ciri-ciri terbaik dan dalam masa yang sama mempunyai sikap yang positif terhadap pekerjaannya. Lazimnya, keupayaan sumber manusia sesebuah organisasi adalah cerminan sesuatu kejayaan. Tidak ada makna jika kita memiliki pekerja yang hebat andai mereka mempunyai sifat dan fikiran yang negatif. Umum mengetahui, sikap positif pekerja sangat berkait rapat dengan produktiviti dan kualiti hasil kerja. Semakin positif sikap pekerja yang ada, semakin mudah membawa organisasi ke arah kecemerlangan.



“Memiliki sumber manusia yang berpengetahuan, berbakat, berpelajaran, berkemahiran, berbudi dan berpengalaman adalah impian yang selalu didambakan oleh mana-mana organisasi dan sesiapa jua.”

Kenapakah perlu dibina minda yang positif terhadap kerja?

Menurut W. Clement Stone, seorang usahawan yang berjaya, “*there is little difference in people, but that little difference makes a big difference. The little difference is attitude. The big difference is whether it is positive or negative*”. Kenyataan ini menunjukkan kepada kita bahawa kejayaan kita adalah bertitik tolak terhadap sikap dan perlakuan kita. Baik buruknya terletak di tangan kita. Kitalah yang mengemudi hidup ke mercu kejayaan dan kebahagiaan. Kita perlu sentiasa berusaha tanpa jemu. Andainya kita *segan berkayuh, alamat perahu akan hanyut*³¹ tanpa haluan. Justeru, mempunyai sifat positif dalam diri tentunya dapat memberikan banyak manfaat bukan sahaja kepada diri tetapi juga kepada keluarga, masyarakat dan organisasi.

Mengalami tekanan kerja yang berlebihan boleh meletakkan seseorang itu dalam kondisi yang bercelaru dan tidak menentu. Jika tidak terkawal, tekanan yang dialami mungkin boleh mencetuskan pelbagai permasalahan yang serius. Daripada aspek kesihatan, didapati ramai yang mula ditimpa penyakit walaupun di usia yang masih muda. Daripada segi emosi pula, tekanan yang melampau boleh mengakibatkan seseorang itu kurang ceria dan kurang bertenaga dan akhirnya boleh menyebabkan berlakunya kemurungan. Justeru, kita perlu menanamkan sifat positif dalam setiap langkah kita. Kita perlu sematkan semangat cecal dalam jiwa agar segala yang kita lakukan tidak memberikan sebarang kemudaratan yang

³¹ Kalau segan berusaha tak akan dapat kemajuan

melampau. Mempunyai sifat yang positif pastinya akan mengukuhkan jati diri seseorang. Keupayaan diri akan bertambah kukuh, keyakinan diri tidak akan *bergantung pada tali rapuh*.³²



Sentiasa menyuburkan semangat positif dalam setiap kerja tentunya memberikan keselesaan dan keseronokan dalam rutin kerja harian yang kita lakukan. Apabila kita berfikiran positif, minda kita cergas, emosi kita mantap, keupayaan kita hebat dan kesungguhan terhadap kerja juga akan meningkat dan akhirnya segala kerja yang sukar akan mudah dilakukan. Dengan kata lain, apa-apa sahaja kerja yang diberikan walaupun banyak akan dapat dihabiskan sedikit demi sedikit dalam ruang lingkup waktu yang dijanjikan. Jika tiada kesungguhan, *bagai tanah pelempar balam, kalau mujur tiba di balam, kalau tidak surut ke tanah*.³³

Bersikap positif turut mendorong kita untuk menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh, lebih teratur dan terancang. *Tak ada gunung yang tinggi yang tak dapat didaki, tak ada lurah yang dalam yang tak dapat dituruni*.³⁴ Dengan kesungguhan segala kerja akan dapat disusun mengikut keutamaan dan tentunya akan membolehkan kerja yang penting dapat


³² Menyandarkan hidupnya kepada orang (jabatan, pekerjaan atau sebagainya) yang kurang kuat atau tidak tetap

³³ Usaha yang tidak bersungguh-sungguh

³⁴ Tidak ada usaha yang tak dapat dilakukan, asal ada kemahuan yang keras

disiapkan dengan kemas dan teratur. Secara langsung keadaan ini tentunya mampu meningkatkan keupayaan diri dan organisasi umpama kata pepatah, *kalau pandai meniti buih, selamat badan ke seberang*³⁵.

Selain itu, mempunyai sikap positif boleh mencetuskan suasana harmoni di pejabat. Mana-mana tugas yang diamanahkan akan dapat dilaksanakan dengan baik jika kita sama-sama melaksanakan sebagai satu pasukan biar dalam susah dan payah seperti *kuah sama dihirup, sambal sama dicolek*.³⁶ Keharmonian ini secara tidak langsung boleh memberikan impak yang baik kepada organisasi. Output semakin tinggi dan kesilapan akan dapat diminimumkan.



“Apabila kita berfikiran positif, minda kita cergas, emosi kita mantap, keupayaan kita hebat dan kesungguhan terhadap kerja juga akan meningkat dan akhirnya segala kerja yang sukar akan mudah dilakukan.”

Sentiasa bersikap positif tentunya akan mengurangkan tekanan (*stress*) yang selalu membelenggu kehidupan kita. Tekanan adalah satu keadaan yang boleh memudaratkan jika tidak dikawal dengan baik. Semakin lama

³⁵ Jika kuat kemahuan dalam sesuatu perbuatan atau hal walau bagaimana sukar sekalipun akan berjaya juga

³⁶ Sama-sama dalam senang dan susah

mengalami tekanan akan menyebabkan kita rasa terbeban dan boleh menimbulkan pelbagai masalah yang rumit. Jangan memberi tekanan pada diri sendiri tanpa cuba mengatasinya dengan lebih teratur.

Bagaimanakah untuk membentuk minda dan jiwa yang positif?

Membentuk minda dan jiwa yang positif bukanlah sesuatu yang sukar. Segalanya boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Pokoknya terletak pada diri kita sendiri. Banyak cara boleh dilakukan untuk menanamkan sifat positif dalam diri. Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:

Pertama, hendaklah sentiasa **berfikiran terbuka semasa menghadapi sesuatu situasi**. Jangan sama sekali ada *pre judgement* dalam apa-apa keadaan sekalipun. Mempunyai persepsi tersendiri terutama yang negatif tentunya boleh memberi kesan kepada kita dan organisasi. Sering kali didapati ada antara kita yang merungut apabila ditimbunkan dengan pelbagai tugas yang perlu disiapkan dalam masa yang singkat. Timbul persoalan kenapa asyik kita sahaja yang dibebani oleh ketua walaupun banyak lagi kerja yang masih belum siap dan dalam masa yang sama ramai lagi yang boleh mengerjakannya! Benar bahawa *mata memandang apa yang hendak sakit, bahu yang memikul timpa perasaan*³⁷. Apa pun, cuba lihat daripada perspektif yang berlainan. Fikirkan kenapa ketua kita bertindak sedemikian? Tentu ada sebab musababnya yang mendorong ketua memilih kita dan bukan orang lain. Tetapkan dalam minda dan yakinlah bahawa kita diberikan tugas berkenaan kerana kepercayaan yang diberikan

³⁷ Memang mudah berbuat begitu begini, tapi yang sukar ialah yang mengerjakannya

oleh ketua kita. *Hanya jauhari juga yang mengenal manikam.*³⁸ Bukan mudah sebenarnya untuk mendapat kepercayaan daripada seorang ketua. Anggaplah segala tugas yang diberikan sebagai satu penghormatan yang akan mematangkan lagi pengalaman yang ada.

“Sebaliknya jadikanlah kerja itu sebagai satu amanah yang diberikan kepada kita dan perlu disempurnakan sesempurna mungkin umpama yang dimakan rasa, yang dilihat rupa, yang didengar bunyi.”

Kedua, jangan menganggap kerja hanya sekadar untuk memenuhi sasaran yang ditetapkan. Sebaliknya **jadikanlah kerja itu sebagai satu amanah** yang diberikan kepada kita dan perlu disempurnakan sesempurna yang mungkin umpama *yang dimakan rasa, yang dilihat rupa, yang didengar bunyi*³⁹. Dengan cara ini, kita bukan sahaja dapat menyempurnakan tanggungjawab sebagai pekerja dengan majikannya semata-mata, tetapi lebih jauh daripada itu adalah hubungan terus kita dengan Maha Pencipta. Jika sekadar untuk menyiapkan kerja tanpa ada keikhlasan jiwa dan suntikan roh terhadap kerja tersebut sudah tentu kerja yang dilakukan tidak dapat dihasilkan dengan baik. Ada sahaja cacat cela yang timbul. Dalam hubungan ini, tentunya hasil kerja tidak dapat memenuhi sesuatu yang kita

³⁸ Orang yang bijaksana juga yang mengetahui keelokan ilmu

³⁹ Tiap-tiap suatu pekerjaan itu hendaklah dengan sempurna, baik pada rupa, pendengaran dan perasaan



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Kampus Utama INTAN Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur

🌐 www.intanbk.intan.my

☎ 03-2084 7777

☎ 03-2084 7368

ISBN 978-983-3109-99-9



9 789833 1109999



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA